

NO. SOALAN: 32

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG
PATAH]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa beliau mengubah secara sembarangan pendirian Kerajaan Pusat yang dibentuk sejak zaman merdeka pada 1957 iaitu bahawa "Malaysia tidak menolak hudud" sedangkan pendirian ini bertentangan dengan Perlembagaan negara.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Malaysia merdeka sehingga sekarang, secara konsisten mendokong Perlembagaan Persekutuan dan kekal untuk mempertahankan Perlembagaan sebagai suatu persetujuan bersama dalam mentadbir negara. Bahkan Kerajaan juga mempertahankan

dengan segala kesungguhan dan kekuatan terhadap Perlembagaan yang telah dipersetujui.

Oleh itu, apa-apa pelaksanaan undang-undang dimana-mana mahkamah atau mana-mana negeri yang hendak melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah hendaklah memastikannya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, dan sebelum apa-apa undang-undang termasuk undang-undang Syariah, maka peruntukan undang-undang sedia ada yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu diteliti bagi memastikan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kesimpulannya, undang-undang jenayah Syariah ini hanya melibatkan Mahkamah Syariah sahaja. Juga pada masa ini, tiada cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan tersebut dan Kerajaan berpegang kepada apa yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.